# TUNTUTAN GANTIRUGI PENGAJIAN TERHADAP PEGAWAI YANG MEMPEROLEHI SARJANA/Phd DI LUAR TEMPOH MASA PENGAJIAN YANG DITETAPKAN

Memutuskan supaya semua kakitangan yang gagal menamatkan pengajian dalam tempoh yang telah ditetapkan dikenakan tindakan seperti berikut :-

(i) Pegawai akan dikenakan tuntutan gantirugi pengajian sebaik sahaja gagal menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan; iaitu 3 tahun bagi program Sarjana dan 5 tahun bagi program PhD.

(ii) Tuntutan gantirugi pengajian akan diberhentikan sebaik sahaja pegawai mendapat Sarjana/PhD iaitu mengikut tarikh kelulusan Senat Universiti di mana pegawai tersebut melanjutkan pelajaran.

(iii) Gantirugi adalah berdasarkan amaun sebenar yang telah ditanggung oleh Universiti (tidak termasuk emolumen) sepanjang tempoh pengajian pegawai dan akan diberhentikan sebaik sahaja pegawai mendapat Sarjana/PhD. Perkiraan gantirugi adalah seperti formula berikut:-

a) Peringkat **PhD**

$$\frac{\text{Jumlah pembiayaan keseluruhan oleh Universiti (tanpa emolumen)}}{\text{Tempoh baki perkhidmatan pegawai}} \quad \text{Tempoh pengajian selepas 5 tahun sehingga tarikh memperolehi PhD}$$

b) Peringkat **Sarjana**

$$\frac{\text{Jumlah pembiayaan keseluruhan oleh Universiti (tanpa emolumen)}}{\text{Tempoh baki perkhidmatan pegawai}} \quad \text{Tempoh pengajian selepas 3 tahun sehingga tarikh memperolehi Sarjana}$$

(iv) Tuntutan gantirugi pengajian akan diberhentikan jika pegawai meninggal dunia (sebelum tuntutan gantirugi diselesaikan sepenuhnya) dan tidak ada sebarang tindakan yang akan diambil ke atas penjamin.

(v) Pegawai yang masih tidak memperolehi Sarjana / PhD akan diteruskan tuntutan keseluruhan gantirugi seperti biasa.